

MTIB tingkat promosi industri perabot Malaysia

BH 14/12/07
MALAYSIA berpeluang menjadi pengeluar utama perabot ukiran di pasaran antara-bangsa pada masa depan jika ada promosi yang agresif dan program pembangunan yang cekap, kata Pengarah Pembangunan Usahawan Bumiputera, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Osman Kasim.

Sebagai langkah permulaan, kata beliau, MTIB akan membantu kerajaan dengan melipatgandakan promosi dan menyediakan program pembangunan dalam industri pembuatan perabot ukiran sebagai usaha untuk menjadikan Malaysia negara pengeluar yang kompetitif.

Osman berkata, MTIB akan melipatgandakan promosi selain melaksanakan program pembangunan dalam usaha menarik pemabitan golongan bella dalam industri pembuatan perabot ukiran.

"Industri perabot ukiran kayu tempatan masih kecil sedangkan kos pengeluarannya tinggi; ia belum lagi membangun seperti yang diharapkan berbanding dengan negara

pengeluar lain, khususnya Indonesia.

"Jadi, untuk menjadi pengeluar yang berdaya saing, Malaysia perlu bermula dari sekarang dengan melaksanakan program pembangunan yang berkesan dalam mengeluarkan lebih ramai pengukir profesional tempatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Minggu Ukiran Kayu di galeri MTIB di Kuala Lumpur, semalam.

Sehingga sekarang, MTIB sudah membangunkan dua Pusat Cikat Produk Kayu di Kota Bharu, Kelantan dan Kuantan, Pahang untuk melatih dan membangunkan usahawan muda dalam industri ukiran kayu.

Osman, yang mewakili Ketua Pengarah MTIB berkata, pihaknya juga akan menghantar satu delegasi ke Jepun, Indonesia pada 20 Disember ini bagi mempelajari seni ukiran khususnya dalam pembuatan perabot.

Jepun ialah kawasan pengeluar perabot ukiran yang bermutu dan terkenal di dunia. Banyak pelabur dari Australia, Amerika Syarikat dan Itali membuka perusahaan di kawasan berkenaan.